

RIAK MEROSAKKAN AMAL IBADAH

Riak membawa maksud melakukan amalan ibadah dengan tujuan memperoleh pujian, kemuliaan atau kedudukan di sisi manusia. Ia termasuk dalam kategori syirik kecil kerana seseorang menjadikan manusia sebagai sasaran utama penerimaan amalnya, bukannya Allah *Subhanahu wata'ala*. Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَبْطُلُوا صَدَقَتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِثَاءَ النَّاسِ
وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا
لَّا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman, janganlah kamu merosakkan (pahala amalan) sedekahmu dengan mengungkit-ungkit dan menyakiti (perasaan penerimanya) seperti orang yang membelanjakan hartanya kerana riyak kepada manusia sedangkan dia tidak beriman dengan Allah dan hari akhirat. Maka orang itu diumpamakan seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian apabila hujan lebat menimpa batu itu, lalu bersih dan licinlah kembali (tiada lagi tanah di atasnya). Mereka tidak memperoleh sesuatu atas apa-apa yang diusahakan oleh mereka dan Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang kafir.”

(Surah al-Baqarah 2:264)

Antara contoh riak ialah bersungguh-sungguh membaca al-Quran agar dianggap hebat, memperbanyakkan sedekah untuk dipuji dan melakukan ibadah dengan harapan mendapat penghormatan dan kedudukan. Perbuatan seumpama ini menyebabkan amalan tertolak dan pahala menjadi sia-sia.

Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

...فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا

Maksudnya: "...Sesiapa yang mengharapkan perjumpaan dengan Tuhannya, maka hendaklah dia melakukan amalan soleh dan janganlah dia mempersekutukan dengan sesuatu pun dalam beribadat kepada Tuhannya."

(Surah al-Kahfi 18:110)

Ayat ini menegaskan bahawa syarat utama amalan diterima ialah ikhlas dan tidak mensyirikkan Allah *Subhanahu wata'ala* dalam bentuk apa jua pun, termasuk syirik kecil seperti riak.

Firman-Nya lagi:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الْآخِرَةِ نَزِدْ لَهُ فِي حَرْثِهِ ^ط وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ نَصِيبٍ

Maksudnya: "Sesiapa yang berkehendakkan (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, Kami akan tambahkan faedah itu baginya dan sesiapa berkehendakkan faedah di dunia, Kami berikan kepadanya sebahagian daripada faedah dunia itu tetapi dia tidak akan mendapat bahagian di akhirat kelak."

(Surah asy-Syura 42:20)

JABATAN MUFTI SARAWAK

Dalam Surah al-Ma'un pula, Allah *Subhanahu wata'ala* mengecam golongan yang beribadah dalam keadaan lalai dan menunjuk-nunjuk.

Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ۖ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ۚ الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُونَ ۖ وَيَمْنَعُونَ
الْمَاعُونَ ۙ

Maksudnya: “(Kalau orang yang demikian dikira sebagai orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang yang solat. (Iaitu) orang yang lalai daripada menyempurnakan solatnya. (Juga bagi) orang yang riyak (dalam ibadat dan tindakannya). Dan orang yang tidak memberi sedikit pun pertolongan (kepada orang yang berhak mendapatnya).”

(Surah al-Ma'un107:4-7)

Kita dapat memahami berdasarkan nas-nas di atas bahawa riak adalah penyakit hati yang sangat berbahaya kerana ia menggugurkan pahala ibadah dan boleh membawa kepada dosa besar. Amalan yang pada zahirnya kelihatan baik boleh bertukar menjadi kosong serta tidak bernilai apabila diniatkan untuk manusia, bukan untuk Allah *Subhanahu wata'ala*. Oleh itu, setiap Muslim wajib sentiasa memperbaharui niat dan menguatkan keikhlasan dalam beribadah. Berbuat taat kepada Allah *Subhanahu wata'ala* hendaklah dilakukan semata-mata untuk mendekatkan diri kepada-Nya dan mengharapkan ganjaran akhirat. Jika seseorang meniatkan amalan kerana Allah *Subhanahu wata'ala*, namun dalam masa yang sama dia berharap amalan tersebut diperhatikan manusia untuk memperoleh pujian atau kedudukan, maka amalan itu terdedah kepada kerosakan dan pengguguran pahala.

Usaha setiap mukmin untuk bersungguh-sungguh menghindari sifat riak daripada menyelebung dalam diri merupakan satu kewajipan. Jangan pernah sesekali berniat atau mempunyai tujuan dalam melaksanakan ketaatan melainkan untuk mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wata'ala* dan mengharapkan ganjaran akhirat daripada-Nya. Dengan usaha ini, seorang mukmin dapat menghindari sifat riak dalam diri dan selamat daripada segala keburukan serta kejahatan dan ujian menimpa pada diri.

Jika seseorang merasa bimbang terjerumus perbuatan riak dalam beramal, maka hendaklah dia menyembunyikan dan melaksanakannya dalam keadaan tersembunyi agar tidak dilihat oleh orang lain, ini adalah lebih selamat. Mari kita merenung sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasalam* bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang yang pertama sekali diadili pada hari akhirat nanti ialah seorang lelaki yang mati syahid, lalu dia dibawa ke hadapan Allah, kemudian Allah memperlihatkan kepadanya nikmat-nikmat-Nya. Dia pun mengakuinya, Allah bertanya: **“Apa yang engkau lakukan dengan nikmat itu?”**, dia menjawab: **“Aku telah berperang kerana-Mu sehingga aku mati syahid.”** Allah berfirman: **“Engkau berdusta! Bahkan engkau berperang supaya dikatakan sebagai seorang yang berani.”** Lalu diperintahkan supaya diseret dan dicampakkan ke dalam neraka.”

Kemudian diperintahkan agar lelaki itu (yang mati syahid tetapi berperang kerana riak) diseret, lalu diseretlah dia di atas wajahnya sehingga dicampakkan ke dalam neraka. Lalu didatangkan seorang lelaki yang mempelajari ilmu agama serta mengajarkannya dan membaca al-Quran. Lalu Allah memperlihatkan nikmat-nikmat-Nya kepadanya dan dia pun mengakuinya. Allah bertanya: **“Apakah yang engkau lakukan dengan nikmat itu?”**, lalu lelaki itu menjawab: **“Aku telah mempelajari ilmu dan mengajarkannya, serta aku membaca al-Quran kerana-Mu”**. Allah berfirman kepadanya: **“Engkau berdusta! Bahkan engkau mempelajari ilmu supaya dikatakan sebagai orang berilmu (‘Alim), dan engkau membaca al-Quran supaya dikatakan sebagai qari’, lalu dikatakan (begitu) kepadamu.”**

Kemudian diperintahkan agar dia diseret, lalu diseretlah dia di atas wajahnya sehingga dicampakkan ke dalam neraka. Kemudian didatangkan pula seorang lelaki yang Allah kurniakan kepadanya kelapangan rezeki dan berbagai jenis harta. Lalu Allah memperlihatkan kepadanya nikmat-nikmat itu, dan dia pun mengakuinya. Allah bertanya: **“Apakah yang engkau lakukan dengan nikmat itu?”** Dia menjawab: **“Tidak ada satu jalan yang Engkau cintai untuk diinfaqkan harta melainkan aku telah berinfaq di dalamnya kerana-Mu.”** Allah berfirman: **“Engkau berdusta! Bahkan engkau melakukan demikian supaya dikatakan sebagai seorang yang pemurah.”**

Kemudian diperintahkan agar dia diseret, lalu diseretlah dia di atas wajahnya sehingga dicampakkan ke dalam neraka.

(Hadis Riwayat Muslim, no. 1905)

Riak merupakan satu ancaman besar terhadap keikhlasan dan penerimaan amal. Ia boleh menyelip dalam hati tanpa disedari dan menjerumuskan seseorang ke dalam kerugian yang besar di akhirat. Setiap mukmin wajib memelihara hatinya daripada sifat ini dengan memperkuat keimanan, membetulkan niat, serta melaksanakan amalan hanya untuk meraih keredhaan Allah *Subhanahu wata'ala*.

Wallahu 'alam.

